

MCA Kecam DAP Berhubung Jalur Gemilang Koyak
Bernama
Mei 27, 2014

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- MCA mengecam DAP berhubung perbuatan parti itu yang didakwa mengibarkan Jalur Gemilang yang sudah uzur di ibu pejabatnya di sini.

Pengerusi Biro Publisiti MCA Datuk Chai Kim Sen berkata sekiranya DAP lebih memandang serius tentang semangat patriotik daripada politik, parti itu sepatutnya sedar tentang keadaan bendera kebangsaan itu dan menggantikannya dengan segera.

"Walaupun kita sedar DAP ingin melindungi dan mengekalkan harta serta logonya, tetapi parti itu perlu memberi penjelasan kenapa penghormatan yang serupa tidak diberinya kepada Jalur Gemilang - simbol paling jelas tentang kenegaraan dan kedaulatan Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sebuah akhbar baru-baru ini merakam gambar Jalur Gemilang koyak yang dikibarkan di ibu pejabat DAP.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041920>